

Rasuah akan hancurkan Umno

Oleh NORDIN MOHAMAD

KUALA BERANG, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau memerlukan sokongan penuh ahli-ahli Umno untuk bertindak tegas terhadap orang-orang yang menggunakan wang sebagai 'rasuah' supaya dipilih menjadi pemimpin parti di peringkat bahagian.

Perdana Menteri, yang juga Presiden Umno, menegaskan: "Sebagai pemimpin, saya boleh bertindak. Tetapi jika ahli-ahli tidak memberi sokongan, maka susahlah bagi pemimpin-pemimpin peringkat pusat untuk mengambil tindakan itu."

Beliau menarik perhatian bahawa bagi parti yang mengamalkan demokrasi seperti Umno, kuasa sebenar terletak kepada ahli-ahli dan bukan pada pemimpin. Pemimpin cuma berkuasa kalau disokong oleh ahli-ahli.

Menjadi calon

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Hulu Terengganu di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Jika saya mengambil sesuatu tindakan yang ditentang oleh ahli, akan gagal saya. Maka saya mesti mendapat sokongan sebahagian besar ahli Umno sebelum tindakan itu diambil."

Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad, Datin Seri Dr Siti Hasmah dan para pemimpin Umno negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pemimpin Umno pusat yang lain juga memerlukan sokongan penuh dalam sebarang tindakan dan keputusan yang mereka ambil.

"Jelaslah bahawa kuasa datang daripada ahli-ahli Umno. Setiap ahli Umno mempunyai kuasa dan mereka hendaklah menggunakan kuasa itu dengan bijak-sana, baik dan jangan membenarkan diri dipengaruhi oleh sogokan," katanya.

Perdana Menteri berkata, berlakunya perbuatan menggunakan wang dalam pemilihan pemimpin Umno ialah kerana ramai berpendapat mereka yang

menjadi ketua bahagian atau memegang jawatan-jawatan tertentu berkemungkinan dipilih menjadi calon dalam pilihanraya.

"Ini harapan mereka. Tetapi belum tentu mereka akan dipilih," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyebut ada seorang tokoh yang sanggup membelanjakan hingga \$600,000 untuk menjadi ketua bahagian. Lawannya juga membelanjakan wang yang banyak.

"Malah ada pula yang menawarkan untuk menghantar penyokong mereka melancong ke Medan, Tokyo, menunaikan fardu haji percuma dan ke mana sahaja," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, ada pihak-pihak yang bertanya mengapa beliau tidak mengambil tindakan ke atas orang-orang berkenaan.

"Apakah tindakan yang hendak saya ambil? Kalau saya tanya orang-orang ini, mereka akan mengatakan dia tidak mengeluarkan wang satu sen pun; sebaliknya menuduh lawannya yang mengeluarkan wang yang banyak. Kalau saya tanya lawannya pula, jawabnya juga sama," katanya.